

26 SEP 2003

PPP CADANG POTONGAN 50 PERATUS CUKAI BAGI IBU TUNGGAL

IPOH, 26 Sept (Bernama) -- Pemuda Parti Progresif Penduduk (PPP) mencadangkan supaya semua ibu tunggal diberikan pengurangan cukai taksiran dan cukai tanah sehingga 50 peratus.

Ketuanya, T. Murugiah berkata, ini kerana ibu tunggal menghadapi banyak masalah terutama sekali sewaktu hendak membayar cukai.

"Penurunan cukai-cukai itu penting kerana terlalu banyak kes sita yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan pejabat tanah melibatkan ibu-ibu tunggal," katanya.

Pemuda PPP merancang untuk menghantar satu memorandum kepada Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil bagi membolehkan perkara itu dibangkitkan dalam mesyuarat kabinet yang akan datang.

Bajet 2004 yang dibentangkan baru-baru ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi potongan harga rumah untuk ibu tunggal.

-- BERNAMA

KAY MAI